

Kuala Lumpur

Perjalanan pemegang rekod 100 meter wanita negara Zaidatul Husniah Zulkifli (*gambar*) masih jauh apabila tidak hanya menasarkannya untuk menang di Sukan SEA Kuala Lumpur (KL2017) semata-mata.

Pengalaman beraksi di temasya Olimpik Rio tahun lalu memberi pengalaman berharga biarpun ada yang mengancam kegagalannya di Brazil.

Namun selepas memecahkan rekod kebangsaan berusia 24 tahun nama Husniah kembali melonjak dan dilihat berpeluang cerah merangkul emas di temasya dwi tahunan itu.

"Emas Sukan SEA sentiasa menjadi idaman saya. Tapi saya tidak mahu menasarkannya emas di Sukan SEA saja sebab kalau boleh ingin juga beraksi di Sukan Asia dan Komanwel.

"Bagaimanapun buat ketika ini sasaran pastinya tertumpu kepada Sukan SEA dengan perlu segera menyesuaikan diri dengan keadaan di Malaysia selepas dua bulan berada di

SEDIA PECUT!

Husniah mahu emas KL2017 sebagai pencetus untuk terus lakar kejayaan

Afrika Selatan tempat yang mempunyai altitud tinggi," katanya.

Husniah bagaimanapun percaya dia masih boleh mencatatkan masa lebih

pantas daripada rekod kebangsaan 11.45 saat yang dilakukannya di Bloemfontein pada 8 Mac lalu.

Belum ada lagi pelari Malaysia yang berjaya menje-

jakkan kaki di podium dalam acara 100m selepas G Shanti meraih emas berganda 100 dan 200m pada 1997.

"Saya akan berusaha untuk memberikan yang terbaik di Sukan SEA nanti kerana pada ketika ini saya masih belum sampai ke kemuncak prestasi dengan sasaran sebenar Ogos ini.

"Emas Sukan SEA sememangnya cabaran kepada saya," katanya.

HARIAN

METRO

4/5/2017

p. 59

"Tapi saya tidak mahu menasarkannya emas di Sukan SEA saja sebab kalau boleh juga ingin beraksi di Sukan Asia dan Komanwel Zaidatul Husniah Zulkifli"

